

ISNIN
15 10
2018



BH DIDIK

bhdidik@bh.com.my

27 PERSONALITI:
Sasha mahu jadi peguam

28 BAHASA INGGERIS:
Antonyms, synonyms and idioms

53 SAINS:
Sains fizikal



PERSEDIAAN KE TAHUN ENAM

➔ Murid Tahun Lima perlu menyediakan strategi untuk cemerlang dalam PPSR

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Debaran calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2018 sudah pun reda sebaik sahaja tamat peperiksaan umum itu pada 27 September lalu.

Selepas lebih sembilan bulan membuat persiapan, mereka boleh meneruskan aktiviti yang

disediakan oleh pihak sekolah sementara menanti keputusan Pelapor Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR) yang akan diumumkan pada bulan depan.

Bagi mereka yang kini berada di Tahun Lima, debaran kakak dan abang senior menanti keputusan PPSR turut dirasai memandangkan tahun hadapan adalah giliran mereka untuk berjuang habis-habisan dalam peperiksaan umum besar pertama dalam kehidupan seseorang bergelar murid sekolah.

Lihat muka 26.

Layari www.FullAMark.com.my untuk melanggan dan mendapat lebih banyak soalan UPSR

Sarana Sasha Marie

➊ Murid SK Bukit Rimau mahu jadi peguam hal ehwal juvana apabila dewasa nanti

Oleh **Nas Norziela Nasbah**
nasnorziela@bh.com.my

► Klang

Berpegang teguh pada falsafah 'kejayaan adalah suatu perjalanan, bukannya hanya satu destinasi' mendorong Sasha Marie Alfred untuk tidak mudah putus asa dalam setiap perkara yang dilakukannya sama ada akademik atau kokurikulum.

Mesra dengan panggilan Sash dalam kalangan rakannya, murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Rimau itu aktif menyertai pertandingan bahasa seperti bercerita dalam bahasa Inggeris dan pernah mewakili daerah Klang pada pertandingan Tokoh Nilam.

Bagi Sasha Marie, tiada jalan singkat sepanjang menyertai sebarang pertandingan kerana semua itu memerlukan usaha sendiri.

"Sama seperti rakan sebaya lain, saya juga perlu berusaha dan melakukan banyak latihan sebelum berjaya mewakili sekolah serta dinobatkan sebagai pemenang dalam pertandingan yang disertai," katanya yang menggemari mata pelajaran Bahasa Inggeris sejak kecil lagi.

Tokoh Nilam

Anak bongsu daripada dua orang adik-beradik itu berkata, sejak kecil lagi dia sudah pun didedahkan dengan bahan bacaan, maka tidak hairanlah apabila dinobatkan sebagai Tokoh Nilam Daerah Klang 2017 bersaing di peringkat negeri.

"Walaupun hanya meraih gelaran tempat ketiga pada peringkat negeri, saya tetap gembira kerana peluang bersaing di peringkat negeri amat berharga sekali dan sudah tentu tidak dapat dibeli dengan wang ringgit.

"Ucapan terima kasih tidak terhingga buat keluarga, barisan pentadbir dan guru sekolah, terutama Guru Perpustakaan dan Media SK Bukit Rimau merangkap Jurulatih Pusat Sumber Daerah Klang, Puan Soraya Nita Othman yang sentiasa memberi semangat serta tunjuk ajar sepanjang saya menjalani sesi persekolahan di sini," katanya.

Peguam hak juvana

Memasang cita-cita untuk menjadi seorang peguam hak juvana, Sasha Marie mengakui pendedahan untuk berhadapan dengan penonton ketika menyertai pertandingan banyak meningkatkan kemahiran komunikasinya walaupun pada usia muda.

"Perasaan gementar itu perkara biasa apabila berhadapan dengan penonton dan juri, tetapi berbekalkan latihan yang diberikan oleh guru dan ibu saya sebagai penyokong kuat, saya mampu melakukan habis baik.

"Adat menang dan kalah ketika bertanding. Saya sentiasa berfikir terbuka kerana sudah melakukan yang terbaik dan pengalaman menyertai pertandingan seterusnya menonton bakat rakan sebaya lain juga saya jadikan sebagai kenangan tidak dapat dilupakan," katanya yang aktif dalam pertandingan pengucapan awam bahasa Inggeris.

Sasha Marie bersama-sama koleksi pingat dan sijil yang diterimanya.



Sasha Marie ketika memenangi Anugerah Tokoh Nilam tahun ini.

profil.

Sasha Marie Alfred

- Nama Panggilan:** Sash
Tarikh Lahir: 8 Mac 2006
Tempat Lahir: Petaling Jaya
Kedudukan dalam keluarga: Anak bongsu daripada dua orang adik-beradik
Cita-Cita: Peguam
Hobi: Melayari internet, membaca cerita fantasi, mendengar lagu pop terkini dan menulis puisi bahasa Inggeris
Pencapaian:
- Johan Tokoh Nilam (Bahasa Inggeris) peringkat daerah Klang 2018
 - Tempat ketiga Tokoh Nilam (Bahasa Inggeris) peringkat negeri Selangor 2018
 - Naib Johan Pertandingan Bercerita Cambridge University 2014



redaksi

KETUA PENGARANG NSTP
Datuk Yushaimi Yahaya

PENGARANG EKSEKUTIF KANAN
INTEGRASI NSTP
Saidon Idris

PENGARANG EKSEKUTIF
BERITA HARIAN (BH)
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

PENGARANG PENDIDIKAN
Fadzlena Jafar

PENGARANG BERITA PENDIDIKAN
Ridzuan Yop

PENOLONG PENGARANG
BERITA PENDIDIKAN
Mohd Zin Mohd Ali

KOORDINATOR
Basir Zahrom

WEBMASTER PENDIDIKAN
Shuhazmir Selamat

PENYUNTING EKSEKUTIF
Muhammad Fakhri Alias Rusnita Pechok Muhammad Reza Muhsain

PENYUNTING
Afdhal Ab Rahman

WARTAWAN
Nas Norziela Nasbah

ARTIS EKSEKUTIF
Zainon Kadim Muhammad Adam Amiruddin Bidin

ILLUSTRATOR
Khairul Anuar Md Nor (Yon) Muhammad Hazam Muhammad Nazri

PENGIKLANAN
TEL: 1 300 22 6787

BERITA HARIAN
**TEL: 1 300 22 6787
FAKS: 603 2282 1139**

LANGGANAN
JABATAN PENGEDARAN DAN
JUALAN, AKHBAR NSTP
31, JALAN RIONG,
59100 KUALA LUMPUR
**TEL: 603 2724 9999
SAMB: 7752 / 7713**

www.bhpendidikan.com.my
bhdidik@bh.com.my
atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

Murid perlu lebih fokus mulai awal tahun 2019

Dari D25

Guru Penyelaras Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Sena, Puan Alwiyah Adnan, berkata persiapan bagi seseorang itu tidak semestinya ketika mereka naik ke Tahun Enam, sebaliknya dimulakan ketika Tahun Lima memandangkan tempoh masa sembilan bulan tahun hadapan tidak mencukupi jika tidak fokus.

Katanya, calon UPSR 2019 boleh mengambil beberapa inisiatif sendiri bagi memastikan mereka cukup bersedia untuk menjawab soalan peperiksaan.

"Mereka tidak boleh terlalu leka dan menganggap hanya perlu bersedia sebaik sahaja bergelar murid Tahun Enam pada tahun hadapan.

"Perancangan awal perlu dilaksanakan sendiri seperti mula membuat jadual belajar yang akan membantu mereka untuk mengikuti masa ulang kaji dengan baik," katanya.

Usaha berterusan

Puan Alwiyah berkata, meraih keputusan cemerlang amat diidamkan oleh setiap murid, namun usaha perlu dijalankan secara berterusan dan guru sudah melaksanakan tanggungjawab mereka membantu calon sehabis baik bagi memastikan golongan itu memahami ilmu yang disampaikan.

Katanya, murid Tahun Lima boleh memperbanyak bahan bacaan bagi tujuan penambahan



ilmu pengetahuan baharu.

"Membaca adalah jambatan ilmu bagi mereka yang ingin berjaya. Mengulang kaji juga tidak tertumpu pada membaca sahaja, sebaliknya membuat latihan kertas peperiksaan sebelum ini turut membantu calon untuk memper-

siapkan diri ke Tahun Enam.

"Bagi mereka yang lemah Matematik, tumpukan lebih masa untuk membuat latihan Matematik. Fahami kehendak soalan, rumus dan formula yang sesuai untuk digunakan, selain menguasai sifir bagi memudahkan proses

menjawab soalan," katanya.

Penjagaan kesihatan

Mengulas lanjut, Puan Alwiyah berkata, penjagaan kesihatan juga amat penting untuk murid dan perlu sentiasa dijaga.

"Mereka perlu tahu ketahanan

diri dan memastikan pengambilan makanan yang sihat bagi mengelak masalah kesihatan.

"Di sinilah peranan ibu bapa dalam memastikan anak-anak mereka mendapat makanan seimbang, selain memastikan tahap kesihatan murid," katanya.



Puan Alwiyah Adnan



Puan Fauzanah Sharif

Program sekolah bantu tingkat kecemerlangan

Klang: Program Sentuhan Pentadbir anjuran Sekolah Kebangsaan Bukit Rimau (SKBR) menjadi satu daripada kaedah barisan pentadbir mempersiapkan calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bermula sejak awal tahun lagi bagi memberi motivasi kecemerlangan kepada golongan itu.

Guru Besarinya, Puan Fauzanah Sharif, berkata inisiatif yang diambil pihaknya seperti masuk ke kelas Tahun Enam, bukan sahaja untuk menyampaikan kata-kata motivasi kepada golongan itu supaya tidak mudah putus asa biarpun diduga dengan pelbagai cabaran.

"Tujuan sesi ini dijalankan sebagai dorongan berterusan bagi memastikan murid terus fokus kepada pelajaran dan berseman-

gat untuk menjawab peperiksaan yang dijadual berlangsung September setiap tahun.

"Yang turut diadakan ialah Program Motivasi - Bijak Belajar yang dijalankan sebulan sekali anjuran Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah dengan tujuan murid fokus dan tahu hala tuju mereka untuk meraih kecemerlangan dalam UPSR," katanya.

Jemput penceramah luar

Seperti sekolah lain, program kelas tambahan diteruskan pada peringkat SKBR, selain program teknik menjawab cemerlang yang diadakan sebanyak dua kali memabitkan guru Tahun Enam dan pakar yang dijemput khas.

Puan Fauzanah berkata, program yang disediakan sepanjang



[FOTO HIASAN]

Penyertaan dalam seminar pendidikan menjadi satu daripada persediaan yang boleh dilakukan murid Tahun Lima.

tahun bukan sahaja membantu mencapai kecemerlangan calon, malah membentuk kerohanian dan disiplin mereka.

Katanya, melalui program serlahan rohani seperti bacaan Yasin pada setiap 7 pagi dan Surah Kahfi (setiap Jumaat pagi) oleh semua murid Islam, pihaknya berharap dapat melahirkan murid seimbang selaras kehendak Falsafah

Pendidikan Kebangsaan.

"Pihak sekolah juga menganjurkan program solat hajat dan solat duha pada bulan Ramadan yang dilaksanakan pada waktu rehat dan saya yakin sekolah lain turut mengambil inisiatif sama.

"Selain itu, pendekatan sekolah menganjurkan program solat hajat perdana dan motivasi keibubapaan dengan menjemput penceramah

luar memudahkan pihak sekolah mendapat kerjasama daripada pihak ibu bapa atau penjaga supaya ada keselarasan antara sekolah dan rumah," katanya.

Katanya, perancangan untuk calon UPSR dirancang setiap hujung tahun bagi memastikan segala program dapat dilaksanakan sebaik mungkin dan lebih teratur.

Bahasa Inggeris - Pemahaman

Antonyms

Antonyms are words that are opposite in meaning to another words.

Example:

Idiom	Meaning
accept	refuse
buy	sell
entrance	exit

Synonyms

Synonyms are words that are similar in meaning to another words.

Example:

Idiom	Meaning
appear	seem
animated	lively
brave	courageous

Idioms

Idioms are phrases with a special meaning that is different from the literal meanings of individual words.

Example:

Idiom	Meaning
A piece of cake	Something very easy or simple to be done
At the crack of dawn	Very early in the morning
With flying colours	Very successful

Exercise 1

Fill in the blanks with the correct **antonyms** with the words in bold.

- Su Lin was **right** when she told us that we had done the _____ exercise.
- Johari is fit and healthy because he is an **active** boy but his brother is _____ boy. His brother is fat and lazy.
- Hashim is thin and **strong** but his brother is fat and _____.
- My sister is looking for a _____ knife to cut the fish because the other knives are **blunt**.
- There was a policeman at the **entrance** so the thief ran through the _____ to escape.
- Although uncle Joe is **afraid** of snake, but he is _____ enough to handle the wild horse.
- All the **guests** were warmly welcomed and they were invited to the ballroom by the _____.
- My brother told us to stay in the _____ end of the pool and cautioned us not to swim in the **deep** end.
- She enjoys teaching in a _____ school rather than teaching in an **urban** school.
- Today is a **sunny** day but yesterday was a _____ day.

Exercise 2

Choose the word that has the **opposite meaning** as the underlined word.

- There are many **ancient** buildings in the heritage town.
A old C new
B historical D modern

- The road to the remote area is very **narrow**.
A steep
B broad
C small
D straight

- Her **laugh** became louder and louder.
A cry
B giggle
C chuckle
D twitter

- The **leader** of the party is Mr.Khan.
A chief
B master
C follower
D participant

- I will **lend** you my car but you have to return it to me by tomorrow.
A borrow
B bring
C give
D buy

- She **likes** listening to rock music very much.
A enjoys
B dislikes
C admires
D wants

- It depends on your **luck** whether you win the grand prize or not.
A fortune
B result
C reward
D misfortune

- She **insulted** her brother in front of everyone.
A offended
B abused
C congratulated
D complimented

- They **ignored** his warning and swam in the sea.
A remembered
B noticed
C listened
D regarded

- After they **kidnapped** the boy, they realized he was a servant's son.
A captured
B released
C took
D caught

Exercise 3

Choose a word from the brackets which has the **same meaning** of the words in bold.

- He looked so **weak** after the trip that he could not walk on his own. (feeble, sick)
- The students were **supplied** with food and drinks during Sports Day. (bought, provided)
- The **leftover** food was given to the poor family who live down the road. (stale, excess)
- The director was treated to a dinner by the **native** people. (local, uncivilized)
- The group will be here by **noon**. (midday, afternoon)

ANTONYMS, SYNONYMS AND IDIOMS

- There is a **strange** smell coming from the car booth. (dirty, unusual)

- There are **rich** people all around the world. (wealthy, poor)

- They **resumed** work after the break. (continued, finished)

- Muaz was **scared** of snakes after that horrifying incident. (terrified, fearless)

- They need to submit their **schedule** immediately. (plan, disarrange)

Exercise 4

Choose the word that has the **same meaning** as the underlined word.

- The **foolish** crocodile had been cheated by the mousedeer.
A stupid
B clever
C brave
D smart

- I **jumped** onto the chair when I saw the rat.
A ran
B rose
C pounced
D leaped

- Many people were affected by her **kindness**.
A honesty
B goodness
C loyalty
D lavishness

- She donated a wheelchair to the **lame** man.
A weak
B active
C crippled
D feeble

Exercise 5

Choose the most suitable **idiom**.

- We had _____ with a crocodile in the river just now.
A a close shave
B a flash in the pan
C a chip of the old block
D a cock and bull story


- The National Museum wanted the document _____ for our visit to the place on Sunday.
A in a nutshell
B in cold blood
C in black and white
D in the same boat

- She woke up _____ because she had to be at the airport earlier.
A be in a cold sweat
B at the crack of dawn
C tie the knot
D in the same boat

- We must _____ because we will not be able to work during our old age.
A let the cat out of the bag
B make hay while the sun shines
C live from hand to mouth
D tighten one's belt

- My brother will _____ just to find a great gift for my mother.
A let the cat out of the bag
B make hay while the sun shines
C go to great lengths
D tighten one's belt

KATA KERJA



Ayat contoh:

1. Azie berlari-lari anak sambil menarik tali lelayangnya.
2. Tali layang Azie ditarik olehnya sambil berlari-lari anak.
3. Razila duduk bersila sambil menonton televisyen.

→ Latihan 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

diuli menguli menutup berniaga

Damit membantu abangnya berniaga kuih cakoi. Mereka (1) _____ pada waktu petang. Doh kuih cakoi itu (2) _____ oleh abang Damit. Abang Damit (3) _____ doh itu sehingga lembut. Dia membiarkan doh itu beberapa jam supaya kembang. Abang Damit (4) _____ doh itu dengan menggunakan sehelai kain.

digoreng menggoreng mengangkat ditis

Semasa di gerai, abang Damit (5) _____ kuih cakoi di dalam kualiti. Kuih itu (6) _____ dengan menggunakan api yang perlahan. Apabila telah masak, abang Damit (7) _____ kuih cakoinya dengan perlahan-lahan. Kuih cakoi itu diletakkan di atas penapis. Seterusnya, kuih cakoi akan (8) _____ supaya kurang berminyak.

tawar-menawar membeli beratur melayan

Kuih cakoi yang digoreng itu garing. Warnanya kekuning-kuningan. Rasa kuih cakoi itu sedap. Beberapa orang pelanggan (9) _____ di gerai abang Damit. Mereka ingin (10) _____ kuih cakoi tersebut kerana kelembutannya. Mereka tidak (11) _____ harga. Damit (12) _____ pelanggan itu dengan sopan.

minum tersenyum membungkus makan

Banyak orang suka (13) _____ kuih cakoi. Mereka biasanya makan kuih cakoi semasa (14) _____ petang. Damit akan (15) _____ kuih cakoi yang dikehendaki oleh pelanggannya. Damit sentiasa (16) _____ di hadapan para pelanggannya. Para pelanggannya berasa senang hati membeli kuih cakoi abang Damit.

mengutip memasukkan membakar mengemas

Abang Damit akan mengemas tempat dia berniaga.

Sebelum pulang, Abang Damit (17) _____ sampah sarap. Damit pula (18) _____ gerai dengan menyimpan barang-barang yang digunakan ke dalam van. Abang Damit (19) _____ sampah sarap itu ke dalam beg plastik. Dia tidak (20) _____ sampah sarap tersebut. Sampah sarap tersebut akan dikutip oleh pekerja Alam Flora.

berasa menabung berada memberi

Apabila (21) _____ di rumah, Damit akan memberi wang hasil jualan kepada abangnya. Abang Damit biasanya (22) _____ sedikit upah kepada Damit. Damit (23) _____ sangat gembira apabila mendapat upah. Damit menyimpan wang tersebut ke dalam tabung. Damit sentiasa berjimat cermat dengan (24) _____ wang upahnya.

→ Latihan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

terpisah beransur menjalani mematak
menebar tidur bertilamkan mengemam
tersenyum terbit

1. Penyakit nenek _____ sembuh sejak dirawat di hospital.
2. Pak Abu _____ jalanya untuk menangkap ikan.
3. Kedua-dua orang adik-beradik itu telah _____ semenjak beberapa tahun yang lalu.
4. Janet _____ gula-gula tersebut sambil menonton televisyen.
5. Shamin hanya _____ melihat telatah badut yang amat lucu itu.
6. Pengemis itu tidur _____ kotak di kaki lima kedai.
7. Yasir masih _____ walaupun telah dipanggil oleh bapanya.
8. Ayam-ayam itu _____ padi yang ditabur oleh nenek di dalam reban.
9. Matahari _____ di sebelah timur.
10. Semua lori itu akan _____ pemeriksaan PUSPAKOM untuk mengesan kerosakan.

→ Latihan 3

Baca e-mel di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kepada : jenice@yes.mail.com
Daripada : sunita@yahoo.com
Tarikh : 20 Oktober 2018
Tajuk : Hari Kanak-kanak di Sekolah Saya

Jenice,
Saya berdoa agar Jenice dan keluarga sihat sejahtera hendaknya.
Saya ingin bercerita tentang kemeriahan sambutan Hari Kanak-kanak yang telah diadakan di sekolah saya. Pada hari Khamis yang lalu, sekolah saya telah mengadakan sambutan Hari Kanak-kanak. Sambutan Hari Kanak-kanak tersebut bertujuan untuk *menghargai* murid-murid di sekolah. Majlis tersebut telah diadakan di dalam dewan sekolah.
Pelbagai persembahan yang menarik telah diadakan di dalam dewan sekolah seperti tarian, nyanyian dan sketsa. Persembahan itu amat menghiburkan hati para penonton. Suasana semasa sambutan Hari Kanak-kanak di dalam dewan sangat meriah sekali.
Selepas waktu rehat, semua murid mengadakan jamuan di dalam kelas masing-masing. Kami telah menghidangkan juadah yang enak seperti mi goreng dan kuih-muih. Kami juga menjemput guru-guru menikmati juadah yang telah disediakan itu.

Sekian, terima kasih.
Sahabatmu,
Sunita

1. Di manakah jamuan Hari Kanak-kanak diadakan?
A Di dalam dewan
B Di dalam kelas
C Di kantin
D Di kawasan lapang
2. Berikut merupakan persembahan yang diadakan, **kecuali**
A tarian C sukaneka
B nyanyian D lakonan pendek
3. Pilih pernyataan yang **salah** tentang petikan.
A Jenice ialah sepupu Sunita.
B Guru-guru dijemput menikmati jamuan di dalam kelas.
C Murid-murid berasa sangat gembira menyaksikan persembahan.
D Persembahan itu diadakan di atas pentas.
4. Maksud perkataan "*menghargai*" dalam petikan ialah
A menggembarakan
B memberikan
C membaiki
D memulihkan
5. Mengapakah sambutan Hari Kanak-kanak diadakan?

6. Bilakah jamuan diadakan?

7. Bina ayat pasif berdasarkan ayat aktif yang diberi.
Ayat aktif: Pada hari Khamis yang lalu, sekolah saya telah mengadakan sambutan Hari Kanak-kanak.
Ayat pasif:

Bahasa Melayu - Pemahaman

LATIHAN SISTEM BAHASA TAHUN 5

Kata Nama

Isi tempat kosong dengan kata nama yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1 Ibu sedang mengoreng beberapa ekor ikan di dalam sebuah _____.

- A kualiti C kawah
B dapur D periuk

Penggunaan Kata Ganti Nama

2 "Biarlah _____ pulang dahulu. Hari sudah senja" kata Hang Tuah kepada sahabatnya, Hang Jebat.

- A beta C patik
B saya D hamba

Kata Arah

Isi tempat kosong dengan kata arah yang paling sesuai.

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3 Meja yang terletak di _____ ruang tamu itu telah dialihkan ke _____ bilik oleh Salmah.

- A hujung ... luar
B sudut ... dalam
C dalam ... tengah
D tengah ... dalam

Kata Kerja

Isi tempat kosong dengan kata kerja yang paling sesuai.

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4 Nenek sedang _____ cili untuk dibuat sambal belacan.

- A melumat C menetek
B melenyek D menumbuk

Kata Adjektif

Isi tempat kosong dengan kata adjektif yang paling sesuai.

5 Novel yang telah ditulis oleh penulis remaja itu telah mendapat sambutan _____ daripada para pembaca.

- A hangat C unggul
B panas D mantap

Kata Hubung

Isi tempat kosong dengan kata hubung yang paling sesuai.

6 Datuk menyuruh abang memetik buah mangga yang _____ masak itu.

- A sedang C akan
B masih D telah

Kata Sendi

Isi tempat kosong dengan kata sendi yang paling sesuai.

7 Shima sedang menulis sepucuk surat _____ dikiriskan _____ abangnya yang sedang menuntut di luar negara.

- A oleh ... untuk C dengan ... daripada
B untuk ... kepada D hingga ... kepada

Kata Penegas

Isi tempat kosong dengan kata penegas yang paling sesuai.

8 _____ anggota koperasi _____ yang dibenarkan untuk membuat pinjaman.

- A Memang ... saja C Hanya ... sahaja
B Cuma ... hanya D Lagi ... juga

Penjodoh Bilangan

Isi tempat kosong dengan penjodoh bilangan yang paling sesuai.

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



9 Ayah telah menghadiahkan ibu _____ cincin emas yang bertatahkan _____ berlian bersempena dengan ulang tahun perkahwinan mereka.

- A sebutir ... sebiji C seketul ... sepotong
B sebuah ... seketul D sebetuk ... sebutir

10 Datin Zainab membawa se _____ payung berwarna merah ketika bersiar-siar di taman itu.

- A kaki C batang
B buah D kuntum

Penggunaan Kata Ganda

Isi tempat kosong dengan kata ganda yang paling sesuai.

11 Upacara pertabaluan Sultan Melaka telah diadakan secara _____.

- A hiruk-pikuk C gegap-gempita
B ramah-tamah D gilang-gemilang

12 Badrul _____ selepas dikejar oleh seekor anjing yang garang.

- A tersasul-sasul C termengah-mengah
B terketar-ketar D tersangkut-sangkut

Imbuan

Isi tempat kosong dengan imbuan yang paling sesuai.

13 Pihak polis telah berjaya _____ sebutil wang yang telah dirompak oleh penjenayah itu.

- A bertemu C menemui
B menemu D menemukan

Kata Majmuk

Isi tempat kosong dengan kata majmuk yang paling sesuai.

14 Punca kehilangan barang-barang antik itu masih menjadi _____ hingga sekarang.

- A tanda soal C tanda tanya
B soal jawab D bedah siasat

15 Ramasamy meletakkan _____ pada barang-barang jualanannya.

- A tanda harga C tanda barang
B tanda tangan D tanda dagang

Penanda Wacana

Isi tempat kosong dengan penanda wacana yang paling sesuai.

16 Kamil membantu ibunya menjual nasi lemak _____, dia juga mengambil upah menanam sayur-sayuran di ladang jirannya.

- A Oleh itu C Oleh yang demikian
B Di samping itu D Walau bagaimanapun

Peribahasa

Isi tempat kosong dengan peribahasa yang paling sesuai.

17 "Jangan menuduh seseorang secara _____, kita perlu mendapatkan bukti dan saksi terlebih dahulu," kata Tok Penghulu.

- A bidan terjun C membuta tuli
B serkap jarang D mengadu domba

18 Hasyim telah lama menetap di bandar. Apabila dia pulang ke kampung, dia tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampung. Itulah yang dikatakan _____.

- A bagai rusa masuk kampung
B bagai enau dalam belukar
C bagai melukut di tepi gantang
D bagai monyet mendapat bunga

Sinonim (Kata Seerti)

19 Haris berasa bangga kerana telah berjaya menjadi johan pertandingan syarahan itu.Pilih kata sinonim bagi bangga.

- A hebat C megah
B gagah D meriah

Antonim (Kata Berlawan)

20 Hamizah tidak selesai memakai kain yang telah singkat itu.Pilih kata antonim bagi singkat.

- A labuh C jarang
B sendat D panjang

Memilih Soalan Yang Sesuai

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

21 Saufi kerap pergi ke perpustakaan pada hari Sabtu untuk membuat rujukan.

- A Di manakah Saufi selalu pergi?
B Mengapakah Saufi kerap membuat rujukan?
C Apakah yang dilakukan oleh Saufi di perpustakaan?
D Mengapakah Saufi kerap pergi ke perpustakaan pada hari Sabtu?

Memilih Jawapan Yang Betul

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

22 Bagaimanakah kejadian kemalangan itu boleh berlaku?
A Kemalangan itu terjadi berhampiran selekoh tajam.
B Kemalangan itu berlaku ketika hujan renyai-renyai.
C Kemalangan jalan raya memang kerap berlaku di situ.
D Kemalangan itu terjadi apabila tayar kereta itu meletup.

Kata Banyak Makna

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

23 I Perbincangan itu menjadi tegang kerana mereka saling berbalah.
II Tali itu ditarik sehingga tegang untuk dibuat ampaiian.
III Harga barang-barang di kedai Pak Mail sungguh tegang.
IV Cuaca hari ini sungguh tegang kerana telah lama tidak hujan.

- A I dan II C II dan IV
B II dan III D III dan IV

Memilih Ayat Yang Sama Maksud

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

24 Selepas membersihkan daging itu, emak telah memerapnya dengan rempah.

- A Emak memerapkan daging lalu membersihkan rempah itu.
B Emak telah membersihkan daging dan rempah untuk diperap.
C Emak telah memerap daging dengan rempah setelah daging itu dibasuh.
D Emak telah membersihkan daging sambil menyediakan rempah perapan.

Memilih Ayat Yang Betul

Pilih ayat yang betul.

25 A Buku atas meja itu kepunyaan dia.
B Lembu itu lari kerana ia dikejar harimau.
C Mereka-mereka yang tidak hadir akan didenda.
D Kemalangan itu membuatkan ia selalu bersedih.

NOMBOR BULAT DAN OPERASI

Kertas 1

- "Empat ratus dua puluh ribu tiga" ditulis dalam angka ialah "Four hundred twenty thousands and three" written in numeral is
 A 420 300 C 402 300
 B 420 003 D 402 003
- Bundarkan 425 501 kepada puluh ribu yang terdekat. Round off 425 501 to the nearest ten thousand.
 A 420 000 C 430 000
 B 425 000 D 435 000
- Apakah nilai tempat bagi digit 5 dalam 265 098? What is the place value of digit 5 in 265 098?
 A puluh / tens
 B ratus / hundreds
 C ribu / thousands
 D puluh ribu / ten thousands
- Rajah 1 menunjukkan sekeping kad soal matematik. Diagram 1 shows a mathematical question card.

$$30\,000 + 6\,000 + 800$$

Rajah 1 / Diagram 1

Antara yang berikut, jawapan manakah yang betul? Which of the following is correct?

- A 36 000 C 38 000
B 36 800 D 38 600
- Antara yang berikut, manakah yang disusun dalam urutan menaik? Which of the following sequences is arranged in an ascending order?
 A 162 974, 916 724, 621 974, 179 264
 B 781 924, 798 124, 792 184, 791 284
 C 181 475, 110 475, 108 415, 174 015
 D 203 514, 205 314, 235 014, 253 014
- Antara yang berikut, angka manakah yang apabila dibundarkan kepada puluh ribu yang terdekat menjadi 500 000? Which of the following numbers when rounded off to the nearest ten thousand becomes 500 000?
 A 562 357 C 515 094
 B 496 125 D 487 643
- Nyatakan 370 402 dalam bentuk cerakinan. Express 370 402 in extended notation.
 A $30\,700 + 400 + 2$
 B $37\,000 + 4\,000 + 2$
 C $300\,000 + 70\,000 + 400 + 2$
 D $300\,000 + 70\,000 + 5\,000 + 2$

- Selesaikan. Solve.

$$2\,600 \times 9 = 4$$

Bundarkan jawapan kepada ribu yang terdekat. Round off the answer to the nearest thousand.

- A 5 800 C 5 900
B 5 850 D 6 000
- $246\,765 + 6\,763 + 93 =$
 A 204 450 C 245 601
 B 236 821 D 253 621
- $2\,080 \div (80 - 48) =$
 A 62 C 602
 B 65 D 653
- Nombor apakah yang perlu ditambah kepada 125 438 untuk mendapat 490 000? What must be added to 125 438 so that the total is 490 000?
 A 364 562 C 363 562
 B 365 562 D 374 562
- $(50 \times 30) + (78 \times 37) =$
 A 2 886 C 3 386
 B 3 186 D 4 386

$$13\ 500\ 329 - \square = 122\ 316$$

Nombor apakah yang mesti ditulis di dalam petak itu? What number must be written in the box above?

- A 622 645 C 378 113
B 622 635 D 378 013
- $4\,098 \times 27 =$
 A 109 546 C 110 546
 B 109 646 D 110 646
- Berapakah hasil darab 7 304 dengan 63? What is the product of 7 304 and 63?
 A 389 710 C 547 052
 B 460 152 D 590 192

- Rajah 2 menunjukkan dua keping kad nombor. Diagram 2 shows two number cards.

354 136	248 796
R	S

Rajah 2 / Diagram 2

Berapakah beza nilai digit 5 pada kad R dan nilai digit 7 pada kad S?

What is the difference between the values of digits 5 in card R and 7 in card S?

- A 4 800 C 45 900
B 44 030 D 49 300
- $(8\,594 + 764) \times 12 =$
 A 100 296 C 112 296
 B 110 566 D 130 646
- Antara yang berikut, angka manakah yang mempunyai nilai yang terbesar? Which of the following numbers has the biggest value?
 A 468 320 C 462 720
 B 463 730 D 462 270
- $67\,743 \div 27 =$
 A 250 C 2 509
 B 2 432 D 2 541
- Raykal membeli 5 983 pek gula-gula. Setiap pek mengandungi 18 biji gula-gula. Berapakah jumlah gula-gula yang dibeli oleh Raykal? Raykal buys 5 983 packs of sweets. Each pack contains of 18 sweets. What is the total number of sweets bought by Raykal?
 A 105 532 C 110 204
 B 107 694 D 120 694

- Jadual 1 menunjukkan bilangan penduduk di tiga buah taman perumahan. Bilangan penduduk di Taman Permai tidak ditunjukkan. Table 1 shows the number of residents in three parks. The number of residents in Taman Permai is not shown.

Taman / Park	Bilangan penduduk / Number of residents
Taman Permai	
Taman Kasturi	3 795
Taman Putra	4 325

Jadual 1 / Table 1

Bilangan penduduk di Taman Permai ialah 2 546 orang lebih daripada bilangan penduduk di Taman Kasturi. Hitung jumlah penduduk di ketiga-tiga taman itu. The number of residents in Taman Permai is 2 546 more than the number of residents in Taman Kasturi. Calculate the total number of residents in the three housing area.

- A 12 063 C 13 562
B 12 781 D 14 461

Kertas 2

- Rajah 1 menunjukkan sekeping kad nombor. Diagram 1 shows a number card.

$$235\,709$$

Rajah 1 / Diagram 1

Berdasarkan Rajah 1, / Based on Diagram 1,

- Nyatakan nilai tempat bagi digit 5 dalam nombor itu. State the place value of digit 5 in the number. [1 markah / mark]
- Bundarkan nombor itu kepada puluh ribu yang terdekat. Round off the number to the nearest thousand. [1 markah / mark]

- Rajah 2 menunjukkan lima keping kad nombor. Diagram 2 shows five card numbers.

3	9	1	5	7
---	---	---	---	---

Rajah 2 / Diagram 2

- Gunakan semua kad nombor itu untuk membentuk satu nombor lima digit yang terkecil. Use the number cards to form the smallest 5-digit number. [1 markah / mark]
- Cerakinkan jawapan (a) mengikut nilai digit. Partition the answer in question (a) according to its digit values. [1 markah / mark]

- Jadual 3 menunjukkan bilangan televisyen yang dikeluarkan oleh empat buah syarikat P, Q, R dan S dalam bulan Januari. Table 3 shows the number of televisions produced by four companies, P, Q, R and S in the month of January.

Syarikat Company	Bilangan televisyen Number of televisions
P	35 628
Q	42 054
R	56 792
S	15 684 lebih daripada syarikat P 15 684 more than company P

Jadual 3 / Table 3

- Hitung jumlah televisyen yang dikeluarkan oleh empat buah syarikat itu. Calculate the total number of televisions produced by the four companies. [3 markah / marks]
- Syarikat Q menambah pengeluaran televisyen sebanyak 20 865 pada bulan Februari. Cari bilangan televisyen keluaran Syarikat Q pada bulan Februari. Company Q increased the production by 20 865 televisions in February. Find the number of television produced in February by Company Q. [2 markah / marks]

- Jadual 4 menunjukkan bilangan buah oren dan buah epal di dalam sebuah kotak. The table 4 shows the number of oranges and apples in a box.

Buah Fruit	Bilangan di dalam sebuah kotak Number of fruit number in a box
Epal / Apple	1 368
Oren / Orange	5 kali bilangan epal 5 times the number of apples

Jadual 4 / Table 4

- Berapakah bilangan oren di dalam sebuah kotak? How many oranges are in a box? [2 markah / marks]
- Berapakah bilangan oren di dalam 7 buah kotak? How many oranges are in 7 boxes? [2 markah / marks]

Sejarah

JATA NEGARA

Jata negara merupakan identiti Malaysia. Jata negara telah diperkenalkan oleh Raja-raja Melayu. Jata negara merupakan lambang kemegahan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa atau agama.



Bintang dan Bulan

- > Bintang dan bulan sabit mewakili Islam sebagai Agama Persekutuan.
- > Bintang pecah 14 menandakan 13 buah negeri dan sebuah wilayah persekutuan dalam Malaysia.

Lima Bilah Keris

- > Lima bilah keris menandakan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.
- (Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu)

Harimau

- > Dua ekor harimau sebagai lambang keberanian.
- > Dua ekor harimau ini juga merupakan lambang Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Jata di bawah Perisai

- > Tiga simbol di sebelah bawah perisai itu menandakan negeri Sabah di sebelah kiri dan negeri Sarawak di sebelah kanan.
- > Di tengah-tengahnya ialah bunga raya iaitu Bunga Kebangsaan.

Empat Jalur Warna

- > Warna hitam dan putih ialah warna Pahang.
- > Merah dan kuning ialah warna Selangor.
- > Hitam, putih dan kuning ialah warna Perak.
- > Merah, hitam dan kuning ialah warna Negeri Sembilan.
- > Empat buah negeri ini adalah Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang asal.

Pokok Pinang dan Pokok Melaka

- > Pokok pinang pada bahagian sebelah kiri perisai menandakan negeri Pulau Pinang.
- > Pokok melaka pada bahagian sebelah kanan perisai menandakan negeri Melaka.
- > Kedua-dua buah negeri ini adalah sebahagian daripada Negeri-negeri Selat.

Slogan

- > Slogan "Bersekutu Bertambah Mutu" ditulis dengan tulisan Rumi di sebelah kiri dan tulisan Jawi di sebelah kanan.
- Warna kuning pada awan-awan itu ialah warna diraja bagi Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja.

JATA NEGARA LAMBANG KEMEGAHAN

Jata negara terdapat pada dokumen-dokumen rasmi.



Latihan 1

Pilih jawapan yang betul.

Soalan 1 hingga 7 berdasarkan gambar di bawah.



- Harimau pada Jata Negara melambangkan _____
A kegagalan C kebijaksanaan
B keberanian D ketabahan
- Cogan kata Jata Negara Malaysia ialah _____
A "Bersedia, Berkhidmat, Berbakti"
B "Muafakat Membawa Berkat"
C "Bersekutu Bertambah Mutu"
D "Bersekutu Membawa Mutu"
- Cogan kata pada Jata Negara menyeru rakyat Malaysia untuk _____
A bermuafakat C bersopan santun
B berhemah tinggi D menghormati pemimpin
- Lima bilah keris melambangkan _____
A perpaduan
B lima buah Negeri Melayu Bersekutu
C lima buah Negeri Melayu Tidak Bersekutu
D keberanian
- Jata Negara dapat dilihat pada dokumen-dokumen yang berikut, **kecuali** _____
A pasport C kad pengenalan
B wang kertas D sijil kelahiran
- Simbol Islam sebagai Agama Persekutuan ialah _____
A keris C pokok melaka
B bunga raya D bulan dan bintang
- Mengapakah cogan kata pada Jata Negara ditulis dalam tulisan Jawi?
A Warisan bangsa
B Arahan pemerintah
C Kehebatan seni khat
D Supaya kita mempelajari bahasa baharu


Latihan 2

Padankan simbol pada jata negara yang berikut kepada maksudnya.

1		•	•	Negeri Melaka
2		•	•	Bunga Kebangsaan
3		•	•	Negeri Pulau Pinang
4		•	•	Negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor
5		•	•	Lambang keberanian

Latihan 3

Nyatakan empat kepentingan menghayati cogan kata yang terdapat pada Jata Negara Malaysia yang berikut berdasarkan perkataan yang diberi.



- Berani

- Cinta

- Bangga

- Perpaduan


Latihan 4

Berikan empat dokumen rasmi yang memaparkan Jata Negara Malaysia.

- _____
- _____
- _____
- _____
- _____
- _____

SAINS FIZIKAL

1 Rajah 1 menunjukkan suatu penyiasatan tentang sifat cahaya.
Diagram 1 shows an investigation of the properties of light.






(a) Nyatakan sifat cahaya yang ditunjukkan dalam Rajah 1.
Based on the diagram, state the properties of light shown in Diagram 1.

[1 markah / mark]

(b) Apakah yang akan berlaku jika kadbod yang paling hampir dengan lilin dialihkan sedikit?
What will happen if the nearest cardboard to the candle is moved a little?


[1 markah / mark]

(c) Tanda (✓) pada fenomena yang berkaitan dengan Rajah 1.
Tick (✓) for the phenomenon related to Diagram 1.

 Sinar cahaya lampu suluh Torch light <input type="checkbox"/>	 Sinaran Matahari Sunshine <input type="checkbox"/>	 Kilat Lightning <input type="checkbox"/>
--	--	--


[1 markah / mark]

2 Rajah 2 menunjukkan satu litar elektrik yang disediakan oleh seorang murid.
Diagram 2 shows an electrical circuit that was prepared by a pupil.



(a) Apakah yang boleh diperhatikan apabila litar ini dipasang sebegini?
What can be observed when the circuit is prepared like that?

i. Bulatkan pada P atau Q bagi pilihan jawapan kamu.
Circle P or Q for your answer.



ii. Berikan alasan kamu.
Give your reason.


[1 markah / mark]

(b) Gariskan jawapan yang betul.
Underline the correct answer.

Fungsi suis adalah untuk (memati dan menghidupkan, menyambung dan memutuskan, mencantum dan meregangkan) litar elektrik.
The function of the switch is to (turn off and turn on, connecting and disconnecting, fasten and stretch) the electrical circuit.


[1 markah / mark]

(c) Lukis litar dalam Rajah 2 dengan menggunakan simbol-simbol komponen elektrik.
Draw the circuit in Diagram 2 using electrical component symbols.



[2 markah / marks]

3 Rajah 3 ialah graf suhu air lawan masa yang menunjukkan keputusan suatu penyiasatan. Amir memanaskan air di dalam bikar dan suhu air tersebut diambil selang beberapa minit.
Diagram 3 is water temperature against time graph that shows the result of an investigation. Amir heated the water in a beaker and the temperature is taken every few minutes.



Rajah 3 / Diagram 3

(a) Padankan pemboleh ubah yang betul.
Match the correct variables.

Masa penyiasatan Investigation time	•	Pemboleh ubah dimalarkan Constant variable
Kuantiti air Water volume	•	Pemboleh ubah dimanipulasikan Manipulated variable
Suhu air Water temperature	•	

[2 markah / marks]

(b) Nyatakan tujuan penyiasatan Amir.
State the aim of Amir's investigation.

[1 markah / mark]

(c) Nyatakan alat yang digunakan oleh Amir untuk mengukur suhu air tersebut.
State the apparatus used by Amir to measure water temperature.

[1 markah / mark]

(d) Beri satu kesimpulan daripada graf tersebut.
Give one conclusion for the graph.

[1 markah / mark]

(e) Cadangkan satu cara untuk mengurangkan masa peningkatan suhu air dalam penyiasatan tersebut.
Suggest one way to reduce the temperature rise of water in the investigation.

[1 markah / mark]

Jawapan

Bahasa Inggeris

Exercise 1

1. wrong
2. inactive
3. weak
4. sharp
5. exit
6. brave
7. host
8. shallow
9. remote
10. rainy

Exercise 2

1. C
2. B
3. A
4. C
5. A
6. B
7. D
8. D
9. D
10. B

Exercise 3

1. feeble
2. provided
3. excess
4. local
5. midday
6. unusual
7. wealthy
8. continued
9. terrified
10. plan

Exercise 4

1. A
2. D
3. B
4. C

Exercise 5

1. A
2. C
3. B
4. B
5. C

Bahasa Melayu

1. A
2. D
3. D
4. D
5. A
6. D
7. B
8. C
9. D
10. A
11. D
12. C
13. D
14. C
15. A
16. B
17. B
18. A
19. C
20. A
21. D
22. D
23. A
24. C
25. D

Bahasa Melayu SJK

Latihan 1

1. berniaga
2. diuli
3. menguli
4. menutup
5. menggoreng
6. digoreng
7. mengangkat
8. ditus
9. beratur
10. membeli
11. tawar-menawar
12. melayan
13. makan
14. minum
15. membungkus
16. tersenyum
17. mengutip
18. mengemas
19. memasukkan
20. membakar
21. berada
22. memberi
23. berasa
24. menabung

Latihan 2

1. beransur
2. menebar
3. terpisah
4. mengemam
5. tersenyum
6. bertilamkan
7. tidur
8. mematuk
9. terbit
10. menjalani

Latihan 3

1. B
2. C
3. A
4. D
5. Hari Kanak-kanak diadakan untuk menghargai murid-murid di sekolah.
6. Jamuan diadakan selepas waktu rehat.
7. Pada hari Khamis yang lalu, sambutan Hari Kanak-kanak telah diadakan di sekolah saya.

Materi-hatik

Kertas 1

1. B
2. C
3. C
4. B
5. D
6. B
7. C
8. D
9. D
10. B
11. A
12. D
13. D
14. D
15. B
16. D
17. C
18. A
19. C
20. B
21. D


Kertas 2

1. (a) Ribu

- (b) 236 000
2. (a) 13 579
(b) 10 000 + 3 000 + 500 + 70 + 9
3. (a) 35 628 + 42 054 + 56 792 + (35 628 + 15 684) = 185 786
(b) 42 054 + 20 865 = 62 919
4. (a) 1 368 × 5 = 6 840
(b) 6 840 × 7 = 47 880

Sains

1. (a) Cahaya bergerak lurus
(b) Cahaya lilin masih boleh dilihat oleh pemerhati
(c) Sinar cahaya lampu suluh
2. (a) i. P
ii. Kerana suis dalam keadaan terbuka
(b) menyambung dan memutuskan
(c)



3. (a) Masa penyiasatan: Pemboleh ubah dimanipulasikan
Kuantiti air: Pemboleh ubah dimalarkan
(b) Untuk menyiasat hubungan antara masa penyiasatan dengan suhu air
(c) Termometer
(d) Jika masa penyiasatan bertambah maka suhu air bertambah
(e) Kecilkan saiz api // Letakkan ais ke dalam air tersebut //

Sejarah

Latihan 1

1. B
2. C
3. A
4. C
5. B
6. D
7. A

Latihan 2

1. Negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor
2. Lambang keberanian
3. Negeri Pulau Pinang
4. Negeri Melaka
5. Bunga Kebangsaan

Latihan 3

1. Semangat mempertahankan negara
2. Cinta akan negara
3. Bangga dengan kemakmuran negara
4. Bersatu padu

Latihan 4

- i. Kad pengenalan
- ii. Pasport
- iii. Sijil kelahiran
- iv. Lesen memandu